

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI  
YANG DI-PERTUA BAKTI  
DI UPACARA PENUTUPAN RASMI PERLAWANAN  
BADMINTON PIALA PUSINGAN TOH PUAN SUHAILA  
DI DEWAN BADMINTON LEMBAGA LETRIK NEGARA  
KUALA LUMPUR, PADA HARI AHAD  
8HB. OKTOBER, 1989  
PUKUL 4.00 PETANG

Bismillah

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhaila;

*YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohd, Pemaung*  
*YB. Dato Mohd. Najib, Ment. Bekas PASAKTI.*  
Yang Berhormat Menteri-Menteri, + Suhan.

Timbalan-Timbalan Menteri dan

Setiausaha-Setiausaha Parlimen;

*KIV. YABhg. Menteri Besar / K. Menteri*  
*Amat*

Yang Berbahagia Yang Di-Pertua/

Pengerusi-Pengerusi Badan-Badan Wanita

Negeri;

Para Dermawan Yang Budiman;

Pemain-Pemain Dan Penyokong-Penyokong;

Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati  
sekalian,

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, maka berakhirlah Perlawanan Badminton Piala Pusingan Toh Puan Suhaila hari ini dengan selamat dan jayanya.

2. Saya mengucapkan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran para tetamu, khasnya Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhaila, penaja Piala Pusingan ini yang sudi hadir serta menyampaikan hadiah kepada para pemenang perlawanan sebentar lagi. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang <sup>A.B. &</sup> <sub>Y,</sub> Berhormat-Yang Berhormat kerana turut hadir menyaksikan kehebatan isteri-isteri mereka bermain pada hari ini.

...Puan-puan/-



Puan-puan dan tuan-tuan,

3. BAKTI mula menganjurkan perlawanan ini pada tahun 1985 dengan tujuan utamanya untuk menjalinkan kemesraan dan silatulahim antara isteri pemimpin-pemimpin negara dan negeri melalui sukan. Antara beberapa jenis sukan yang digemari oleh rakyat Malaysia, BAKTI telah memilih badminton kerana, yang akan bermain ialah isteri-isteri yang telah berusia lebih daripada 35 tahun, <sup>yg lebih berat</sup> di mana <sup>badan antara 45-60 kg.</sup> permainan-permainan sukan yang lain umpamanya bolasepak dan sepak takraw dirasakan tidaklah sesuai bagi golongan ini selain daripada badminton.

4. Pemilihan ini juga didorong kerana BAKTI mempunyai seorang jaguh badminton iaitu Yang

...Amat/-

Amat Berbahagia Toh Puan Norashikin, dan beliau telah dilantik sebagai Ketua Pengurus Pasukan Badminton BAKTI. Beliaulah yang mengelolakan perlawanan ini dari tahun 1985 hingga kini. Saya mengambil kesempatan ini bagi pihak semua Pasukan Badminton Wanita yang hadir, mengucapkan penghargaan dan berbanyak terima kasih kepada beliau kerana pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit bagi menentukan setiap perlawanan badminton ini tamat dengan licin dan sempurna.

5. Dorongan untuk mengadakan perlawanan *dan spontan*

badminton ini juga diterima daripada penaja BAKTI, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhaila yang telah menyumbangkan piala pusingan untuk dijadikan piala rebutan setiap tahun selama lima tahun. Kerana sumbangan ikhlas itulah,

...piala/-

piala pusingan tersebut dinamakan Piala Pusingan Toh Puan Suhaila. Saya bagi pihak semua yang hadir di perlawanan ini, mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Toh Puan kerana sumbangan beliau itu.

Puan-puan dan tuan-tuan,

6. Pada peringkat permulaan, isteri Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri diminta menubuhkan pasukan badminton masing-masing yang terdiri daripada isteri pemimpin-pemimpin negeri dengan tujuan yang sama iaitu berkumpul dan bermesra melalui pertandingan badminton. Sambutan daripada isteri-isteri di peringkat negeri amatlah menggalakkan sungguhpun pada tahun 1985 tidak semua negeri dapat menyertai perlawanan yang

...pertama/-

pertama diadakan. Sebagai penganjur, BAKTI telah menjadi tuan rumah di Kuala Lumpur dan selepas itu pasukan yang menjadi juara menjadi tuan rumah pula. Pasukan Pulau

Pinang telah menjadi juara pada tahun ~~itu pertama~~.  
*Semua pasukan gembira kerana nasi kandar sudah terbayar.*

7. Pada tahun 1986, perlawanan badminton diadakan di Pulau Pinang di mana Melaka telah

memenangi Piala Pusingan. Pada tahun 1987, *antife menjadi tarikan.*

Melaka telah menjadi johan sekali lagi, dan

Selangor sebagai naib johan. *Tetapi johan dan cincaloh*

1988, BALKIS dari Selangor telah mempelawa untuk mengadakan perlawanan ini di Selangor bagi menggantikan tempat Melaka. Dalam perlawanan tersebut BAKTI telah menjadi johan. Walau bagaimanapun, BAKTI telah bersetuju menjadi tuan rumah pada tahun

..terakhir/-

terakhir perlawanan ini tanpa mengambilkira menang atau kalah.

8. Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Puspanita <sup>untuk</sup> ~~1986~~ <sup>(1987)</sup>

Pasukan Bunga Tanjung, Kerajaan Negeri Melaka dan Pasukan BISTARI, dan <sup>(1988)</sup> Kerajaan Negeri Selangor dan Pasukan BALKIS atas kerjasama dan sambutan yang gilang-gemilang pada masa-masa perlawanan itu. BAKTI berterima kasih kepada Ketua-Ketua Pasukan negeri SL

tersebut. Mel iaitu isteri Menteri Besar dan Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah menentukan bahawa perlawanan-perlawanan serta perjumpaan-perjumpaan mesra selamat sempurna.

...Puan-puan/-



Puan-puan dan tuan-tuan,

9. Soal yang timbul sekarang ialah sama ada matlamat BAKTI menganjurkan perlawanan badminton ini tercapai atau tidak, dan apakah rancangan setelah Piala Pusingan Toh Puan Suhaila ini menetap terus di K.L./N.S. Sebagai seorang pemain badminton semenjak tahun 1985, saya berani mengatakan bahawa kemesraan dan persaudaraan antara isteri-isteri semakin erat setiap tahun. Penyertaan pasukan isteri-isteri dari negeri-negeri bertambah hinggakan pada tahun lalu, 13 pasukan isteri-isteri telah menyertai pertandingan ini di Petaling Jaya.

10. Daripada segi permainan pula, sungguhpun belum ada tujuan pasukan-pasukan isteri

**...menawarkan/-**

\* Bermain di gelanggang  
no: 1, bola lempukud  
kuat ke gelanggang no: 2

menawarkan diri untuk bermain di Sukan SEA atau Uber Cup, tetapi kemajuan dan kejayaan setiap pasukan adalah nyata. Pada tahun 1985, bulu tangkis tidak tentu hala arahnya apabila dipukul. Manakala pada tahun 1986 sedikit kemajuan telah dicapai, sekurang-kurangnya bulu tangkis yang dipukul telah berjaya melepasi net. Para pemain telah mula kenal siapa lawan dan siapa kawan. Pada tahun 1987 iaitu semasa pertandingan ini diadakan di Melaka, para pemain telah mencuba smash ala Razif-Jalani sehingga ada yang

~~tercampak cermin matanya.~~ *bencut kepala.* Pada tahun lepas pula, bulu tangkis yang tidak tentu hala pada mulanya, sudah menuju tepat ke sudut-sudut gelanggang, ke jaring, ke kepala, ke badan dan ke mana mana jua ianya dihalakan. Pada tahun ini, para hadirin telahpun menyaksikan

...dengan/-

dengan sendiri betapa hebatnya isteri-isteri bermain. Kebanyakan daripada pemain-pemain ini sudah pun bercucu, tetapi kerana minat, mereka tidak mengira usia atau berat badan. Aliran kemajuan ini adalah sihat dan menggalakkan. Oleh itu, tidak ada sebab mengapa perlawanan badminton ini berakhir selepas ini.

11. Dalam perlawanan semacam inilah kita dapat berjumpa beramai-ramai, bermesra, memperkukuhkan tali silatullahim antara peserta-peserta dan penyokong-penyokong. Melalui perlawanan inilah kita dapat menjelajah ke negeri-negeri serta melihat bandar-bandar di negara kita. Dengan adanya perlawanan ini juga kita dapat berlatih dan menguatkan semangat berpasukan dan perpaduan dengan erti kata yang sebenarnya.

...Ketua-Ketua/-

12. Ketua-Ketua Pasukan bersama-sama dengan penasihat-penasihat mereka telah bersetuju supaya perlawanan badminton ini dihadkan kepada badan-badan wanita yang dianggotai oleh isteri pemimpin-pemimpin negara dan negeri sahaja kecuali jika bilangan isteri-isteri yang boleh bermain badminton adalah kurang. Pemain luar dihadkan kepada empat orang sahaja dengan syarat mereka tidak pernah mewakili negeri masing-masing atau negara dalam mana-mana perlawanan badminton pun. Saya berterima kasih kepada semua Pasukan-Pasukan Badminton Negeri yang patuh kepada peraturan-peraturan tersebut.

13. Syarat yang mengatakan johan perlawanan menjadi tuan rumah telah dimansuhkan atas dua sebab utama: pertama, Kerajaan-Kerajaan

...Negeri/-

①\* J. karib kpd kerajaan Negeri  
yg membantu pasukan merempuh  
Laja ingin merayu kpd  
Kerajaan Negeri supaya  
membantu sedikit lagi pasukan  
Istini masuk supaya tujuan  
yg baik + mulia ini.  
Tambah ulap alk. + penginapa  
amatlah menjadi penghalang  
bagi Pasukan menjertak kepha  
ini. Baga.

② Ingin saya umumkan  
bahawa D. Hg. Datin Jenuremi  
k/P. Bersatu Sabah telah  
pun melawakan kekhana  
bagi tahun 1990 diadanya  
di K. Kinab. Syabas + t. lai  
kepada Sabah. \*

Sabah, Negeri di bawah anji  
Berjuma keli di tahun de  
~~de~~ ~~de~~ Allah saja yg menji  
Memenuhi minat + harapa



Negeri tidak ada peruntukkan untuk membiayai  
1 14 pasukan wanita ke negeri masing-masing  
secara rasmi. Kedua, syarat yang dikenakan  
kepada bakal johan telah menjadi penghalang  
kepada pemain-pemain berlawan dengan  
bersungguh-sungguh. Majlis Ketua-Ketua  
Pasukan bersetuju tempat perlawanan badminton  
selepas ini akan diadakan ditiap-tiap negeri  
2 secara pusingan dan secara tawaran daripada  
negeri-negeri. BAKTI juga akan membantu  
pasukan yang menjadi tuan rumah dengan  
sumbangan wang sebanyak \$10,000.00 seperti  
biasa, insya-Allah.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Perlawanan tahun ini disertai oleh 12  
pasukan yang menunjukkan semangat sukan yang

...cemerlang/-

(X) Sedikit lapuan berkenaan dgn kemajuan permainan Panahan. Dari keputusan perlawanan, kebanyakan pasukan tidak mahu ~~melepaskan~~ <sup>Kalau Jappa</sup> ~~lawan~~ <sup>perlawanan</sup> yg hebat, Bermatian<sup>2</sup> mempertahankan Nyeri man<sup>2</sup>. Banyak perlawanan dimenangi dgn 3:2 dan dgn beberapa subbu set sahingga tak <sup>permay</sup> larat nak bermain.

(11) Tahun ini kita ada satu dash horse - kuda hitam, yg memenangkan semua pasukan yg hadir. Kuda hitam ini ialah Pas. Sabati dari Nyeri Kenyalang yg pada mula nya tidak mahu hadir dtg tetapi pertuhan hati <sup>lepas di pusing</sup> kerana perpaduan. Sesudah bermain + mengelakkan Bidara dari kedah Sabati mula bersemangat Ngap<sup>2</sup> Saiyap dan dgn terperanjat Ngap Saiyap Balik dari Sh 1 pasukan yg kuat <sup>dan pada</sup> tahun lepas. Dan lah <sup>lepas</sup> kesal nya saya <sup>menunggu</sup> ~~ke~~ Sabati untuk bertukar keti dtg ke-K.L. kerana Sabati pernah bermain

cemerlang. Saya mengucapkan tahniah kepada juara tahun ini, iaitu Pasukan..... dari negeri ..... yang dipimpin oleh Yang Berbahagia ..... . Piala Toh Puan Suhaila tidak lagi berpusing dan akan menetap di negeri ..... Syabas kepada ..... kerana kehandalan mereka bermain hingga berjaya. (X)

15. Sudah menjadi adat sesuatu perlawanan, ada yang menang, ada yang kalah dan ada juga yang cuba-cuba bermain. Belum ada tanda-tanda antara kita yang berusia lebih 35 tahun jaguh-jaguh seakan-akan Razif, Jalani, Rashid ataupun IcuK, tetapi yang bergaya seperti mereka memanglah banyak! Kalau tidak menang pun tidak mengapa asalkan sedikit semacam jaguh-jaguh antarabangsa pun jadilah!

\* Yang dan berbetis' semacam IcuK pun ada banyak. .... Mudah-mudahan/-



(X) Sedikit lapuran (cmta)

dgn pasukan saya sendiri BAKTI. Tetapi, ~~bum~~ konyol terbang lembut, dgn lembut tak ingap sayap. BAKTI menakan dgn <sup>per</sup>gehut, ahhi mya ~~hampir semua baik~~ <sup>hampir ngap bolak</sup> bolak. Namun, syabas kepada Sabat ~~heya~~ pasukan Sabati, Siti Murniati & pasukan. ~~kerima~~ hebat bermain. Mintu ampun wai. Anang pedis ati, ya?

(2) Baidunita — dari Utara pula, Baidunita dari pulis menunjukan peninghatan mintu bermain dari tempat ke-5 ~~pada~~ <sup>1987</sup> ke-3. Ketika Puan Elham mengatakan syah mendapat serap coach lah yg merha betul, bermain Syabas dan inilah satu bukti bahawa mendapatkan seorang coach dan serta mintu + semangat pemain sendiri akan menghasilkan kej peninghatan mintu + kejayaan

Hebat sekali  
permainan

Mudah-mudahan pada satu ketika nanti, kita akan berjaya juga akhirnya.

Puan-puan dan tuan-tuan,

16. Kejayaan perlawanan ini adalah hasil daripada kerjasama beberapa pihak. Saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada *semua pihak kerana bersebar*.

*hadirin .*

a. Para dermawang menyumbangkan wang dan alat-alat permainan kepada BAKTI, iaitu:

Sports Toto	- \$30,000.00
Tun Omar Ong	- \$10,000.00
M.N.I.	- \$ 5,000.00

...Pihak/-



③ Pihak Polis + <sup>Remain</sup> Pancaragam  
Bagpipes yg mengahurkan  
perbarisan Pasukan hari 1<sup>ma</sup>  
& hari ini dgn rapi.  
Panca Putra - Mlm ke-2.

④ Pihak Kem. Kebudayaan + Pelancong,  
<sup>Pulapel</sup> khas Kompleks Kebudayaan Negara.  
kerana menyediakan  
pembawa, plakad & alat gamelan  
serta jurutail bagi Persembakan  
DARKI pada mlm ke-2.

⑤ Pihak <sup>Dato Bandar</sup> Dewan Bandaraya -  
~~membawakan~~ ~~menyediakan~~ Dewan B/Raya  
untuk jamuan mesra.  
Kombo Bandaraya - mlm  
stahh tadi.

5a) YB Dns Sulaiman | jamuan <sup>mah</sup> <sup>haur</sup> di D/B/Raya.

⑥ Pihak Mistle + F&N. -  
menyumbangkan minuman  
mercha bagi semua  
punta setiap hari.

L.K.N.

(2) b. Pihak Dewan Badminton kerana memberi kebenaran untuk menggunakan Dewan ini. *di Kompleks Suran*

(D) e. Yang Amat Berbahagia Toh Puan Norashikin Ismail, Ketua Pengurus Perlawanan Badminton ini semenjak tahun 1985 hingga kini. Panduan dan nasihat mengenai peraturan-peraturan datangnya daripada seorang yang mantap dan mahir dalam pengurusan perlawanan. Kepada beliau *& ahli Pasukan T/P/W* bagi pihak BAKTI khasnya dan semua pasukan yang hadir amnya, saya mengucapkan tahniah dan berbanyak terima kasih.

(11) (12) *Setengah Hari*  
*Secelis Rasa*  
*di kediaman*  
B) d. Kepada Jawatankuasa Pengelola dan semua Jawatankuasa 2 Kecil BAKTI yang menguruskan segala-galanya selama tiga hari ini. *Khususnya*

J/K Transport - Naemal.  
J/K Mahana - T. Masial.  
J/K Kebudayaan - Fairal.

... Kepada/-  
J/K



- ④ Persatuan Badminton - Malaysia  
- meminjamkan green mats dan <sup>shuttles</sup> kejutane untuk ~~pasukan~~ bermain disini. ini.
- ⑧ Kpd Kementerian Belia & Sukan - menganjurkan Seleparan Pengadil <sup>untuk</sup> bersama bersama dgn kita.
- ⑨ Kpd <sup>Pegawai</sup> ~~Pembantu~~ <sup>Raupitan</sup> Hospital Besar yg bertugas dari mula & pada pagi ini sahaja terdapat satu kemalangan.
- 10) T/P Nor - see pg 14.
- 11) Ketua, Pasukan →
- 12) Pengadil & Pegawai →
- 13) J/K Pengelola + JKK ←

Kepada Ketua-Ketua Pasukan Negeri dan pemain-pemain mereka yang bersusah-payah datang bermain. Saya harap kita akan terus berlatih dan bermain di tempat masing-masing supaya mutu permainan kita itu sentiasa meningkat. Ahli-ahli baru dijemput bermain bersama supaya sihat, segar dan bermesra.

Kepada ~~para pengadil dan peniaga garis~~ *dari Persatuan*  
~~serta pegawai-pegawai~~ *yang membantu*  
*Olimpik Badminton S.K. & Per. Badminton*  
pengawasan perlawanan, terimalah *Wilayah*  
penghargaan kami dan ucapan terima kasih kerana meluangkan masa untuk bersama dengan kita. *Mereka ini jagoh badminton Thomas Cup & Uber Cup pada tahun yg silam.* Akhirnya tidak kurang penting di dalam penghargaan ini, BAKTI amat berbangga

...dengan/-



## \* Pengumuman Resmi

3) Saya ingin membuat  
~~3) ~~pengumuman resmi~~~~  
ketika ini, ya itu,  
Kejohanan Piala Pusung  
Keluarga Berau Bersatu Sabah  
Perdana akan diadakan  
di Dataran Jambak, Sabah  
pada tarikh yg akan ditentukan  
melalui surat khabar berlainan  
di Kota Kinabalu pada  
tahun 1990. Syabas +  
terima kasih kepada N. Sabo  
Tentu sekali kita akan  
menunggu sahaja tarikh  
berlainan.

4) YB Dato Seri Mohd Najib,  
Menteri Kem. Belia + Sukan,  
telah pun mengumumkan  
pada hari pembukaan resmi  
Kejohanan Piala Pusung  
sumbangan ikhtis perbadi  
beliau sebuah Piala Pusung  
Naib Johan mulai tahun ini

- 16 -

dengan kehadiran Yang Amat Berbahagia Toh Puan Suhaila yang amat di kasihi pada petang ini. BAKTI cuba menarik minat Toh Puan untuk bermain badminton bersama tetapi belum lagi berjaya. Insya-Allah kita cuba lagi.

Puan-puan dan tuan-tuan,

17. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada tetamu-tetamu jemputan yang hadir dan memberi sokongan kepada isteri-isteri yang bermain. BAKTI akan mengatitkan perlawanan seperti ini pada tahun depan, insya-Allah, dengan lebih meriah dan dengan penyertaan lebih ramai pasukan lagi.

~~Diharap kita <sup>tidak pun</sup> mendapat pelawaan daripada negeri-negeri <sup>Sabah</sup> untuk menjadi tuan rumah dan~~

diharap/-



Kepada YB Datuk, <sup>b.p. semua penguku</sup> sabaja meng-  
ucapkan herbanyak t. karib  
& ini adalah suatu peransap  
& galahkan yg <sup>semua</sup> besar bagi  
pemain. Piala Pusripan  
Datuk Seri Najib ini akan  
berpusing selama 6 tahun  
supaya <sup>akan</sup> sama <sup>ata</sup> tamat dgn  
Piala Pusripan Johan nanti.  
Saya juga menyambit kerembut  
merp. f.k. pd YB kerana  
sudi <sup>menyempikan</sup> ~~memperhatikan~~ ~~Kejohanan~~  
ini pada hari jumaat lalu.

2) YAB Perdana Menteri. peransap  
BAKTI telah <sup>di perdit</sup> kemual  
hati menyumbangkan Piala  
Pusripan bagi Johan Kejoh  
tahun 1990 yg akan di  
pertandingkan selama 5 tahun.  
Piala Pusripan ini di nama  
kan Piala Pusripan Perdana  
Selaku YDP Bakti + bagi pihak

~~diharap juga, insya Allah pasukan-pasukan  
wanita negeri akan memberi sambutan.~~

Alhamdulillah. Tahmiah sahaja  
18. Selamat pulang ke negeri masing-masing  
dan selamat <sup>terus</sup> bermain lagi.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu  
alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

semua ahli Pasukan Badminton  
yg ada disini, saya ucapkan  
terbanyak terima kasih.

Akhirnya,  
kepada pt saudari,  
pemain dari Negeri,  
saya ucapkan ~~terima~~  
syabas atas kegigihan  
bermain, selamatlah  
mu balik ke Negeri  
masing + terus bermain.

Kalau ada janji yg patah.  
Janjan simpan di dlm ~~hati~~ <sup>pekt</sup>  
Kalau ada silaf + salah  
Janjan simpan di dlm hati

Wassalamu alaihum.

ngap sayot - bolot semua.  
Minta ampun wai  
A...